



UDA MEMPERKENALKAN PEMBANGUNAN TANAH WAKAF PERTAMA DI KEDAH

- *Projek Pembangunan Taman Sultan Sallehuddin di lot Tanah Wakaf Telok Chengai adalah hasil usahasama UDA Waqf dan MAIK*
- *Majlis Perasmian dan Pecah Tanah Pembangunan Taman Sultan Sallehuddin disempurnakan KDYMM Tuanku Sultan Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah, Sultan Negeri Kedah*
 - *Pembangunan di atas tanah wakaf berkeluasan 27.23 ekar ini bakal menyediakan 286 unit hartanah dan dijangka siap sepenuhnya dalam tempoh lima tahun dari tarikh kerja-kerja pembinaan bermula dengan Nilai Pembangunan Kasar (GDV) RM106.80 juta*

Alor Setar, 21 November 2018 – UDA Holdings Berhad (UDA) menerusi anak syarikat UDA Waqf Sdn Bhd (UDA Waqf) memperkenalkan satu projek pembangunan hartanah di atas tanah wakaf, di sini, hari ini. Projek diberi nama Taman Sultan Sallehuddin itu bakal dibangunkan di atas lot Tanah Wakaf Telok Chengai, Jalan Kuala Kedah, Mukim Telok Chengai, Daerah Kota Setar, Alor Setar, Kedah. Projek hasil usahasama UDA Waqf dan Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK) ini menampilkan pembangunan hartanah jenis kediaman dan komersial.

Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Tuanku Sultan Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah, Sultan Negeri Kedah memberi perkenan serta berangkat dan mencemar Duli bagi menyempurnakan Majlis Perasmian dan Pecah Tanah Pembangunan Taman Sultan Sallehuddin. Duli Yang Teramat Mulia (DYTM) Tengku Saraffuddin Badlishah Ibni Sultan Sallehuddin, Raja Muda Kedah merangkap Yang Dipertua MAIK turut memberi perkenan dan berangkat sama ke majlis berkenaan.

Turut hadir mengiringi KDYMM Sultan Kedah merasmikan Majlis Perasmian dan Pecah Tanah itu adalah Yang Berbahagia Datuk Ahmad Abu Bakar, Pengarah Urusan Kumpulan UDA serta barisan tetamu kehormat yang terdiri daripada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Mukhriz Tun Mahathir Menteri Besar Kedah, Sohikul Fadhilah Dato' Setia Jaya Dato' Paduka Syeikh Hasbullah bin Haji Abd Halim, Timbalan Yang Dipertua MAIK, Sahibus Samahah Dato' Syeikh Fadzil Bin Haji Awang, Mufti Negeri Kedah dan barisan Pengurusan UDA dan UDA Waqf.

Datuk Ahmad dalam ucapannya berkata, "Objektif utama pembangunan tanah wakaf ini adalah untuk membantu memajukan tanah wakaf yang berpotensi sebagai projek perumahan dan komersial. Dengan adanya projek perumahan dan komersial seperti ini, ia dapat memberi nilai tambah pada tanah tersebut. Selain itu, MAIK juga boleh menjana hasil yang positif atau dana secara maksimum untuk memanfaatkan sepenuhnya perkembangan tanah wakaf tersebut yang dapat meningkatkan ekonomi ummah Islam di Malaysia," katanya.

Perjanjian usahasama antara UDA Waqf dan MAIK telah dimeterai pada 16 November 2016. Melalui usahasama ini, MAIK akan menerima 6 unit kedai pejabat 2 & 3 tingkat serta pulangan tunai berjumlah RM12.00 juta. Dengan Nilai Pembangunan Kasar (GDV) RM106.80 juta, Projek Pembangunan Taman Sultan Sallehuddin ini dijangka siap sepenuhnya dalam tempoh lima tahun dari tarikh kerja-kerja pembinaan bermula.

Pembangunan usahasama di atas Tanah Wakaf Telok Chengai ini juga diharap dapat memberi manfaat dan kesejahteraan kepada penduduk tempatan serta mewujudkan persekitaran kehidupan yang sejahtera serta selesa kepada masyarakat keseluruhannya disamping dapat meningkatkan taraf hidup dan ekonomi khususnya di negeri Kedah Darul Aman.

Tambah Datuk Ahmad lagi, menerusi pembangunan yang berkeluasan 27.23 ekar ini, pihak UDA Waqf berhasrat untuk menawarkan harga yang kompetitif serta harga mampu milik bagi pembeli Bumiputera jauh lebih rendah daripada harga yang ditawarkan oleh pemaju-pemaju lain.

“UDA Waqf merupakan anak syarikat Kumpulan UDA yang bertanggungjawab bagi merealisasikan pembangunan tanah wakaf di Malaysia. Pembangunan ini adalah berstatus rizab Melayu, oleh itu hanya pembeli Melayu yang beragama Islam sahaja yang boleh memiliki hartanah projek ini.

“Menerusi Pembangunan Taman Sultan Sallehuddin ini, UDA Waqf bakal menyediakan 286 unit hartanah merangkumi 136 unit rumah berkembar 2 tingkat, 69 unit rumah teres 2 tingkat, 64 unit rumah kos rendah setingkat, 15 unit kedai pejabat 2 tingkat serta 2 unit kedai pejabat 3 tingkat. Rumah kos rendah bakal dijual dengan harga RM45,000 manakala rumah-rumah lain bermula dari harga RM370,000 dan ke atas. Kedai pejabat pula dijual dengan harga bermula dari RM600,000 dan ke atas,” katanya.

Kerja-kerja Pembinaan Taman Sultan Sallehuddin dijangka akan dilaksanakan pada suku kedua tahun 2019 selepas kelulusan pembangunan daripada Majlis Bandaraya Alor Setar diperolehi. Projek berkenaan bakal dibangunkan secara berfasa bermula dengan pembinaan kediaman rumah teres dua 2 tingkat.

Cadangan lokasi tapak Pembinaan Taman Sultan Sallehuddin adalah berhadapan Masjid Telok Chengai dan bersebelahan Taman Melati. Tapak projek berkenaan terletak lebih kurang 7 kilometer dari Bandar Alor Setar dan 5 kilometer dari Jeti Kuala Kedah dan Pekan Kuala Kedah. Menariknya, lokasi berkenaan turut berdekatan dengan kawasan komersial seperti Alor Setar Mall (4 kilometer), Tesco Stargate (9 kilometer), Mydin Mall Taman Saga (6 kilometer) dan Kompleks Pekan Rabu (6 kilometer). Sekolah yang berdekatan adalah Sekolah Kebangsaan Telok Chengai, Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Laksamana, Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Sharifah Rodziah dan Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Pei Hwa.

Selain itu, ia turut terletak berdekatan dengan Hospital Sultanah Bahiyah (13 kilometer) dengan perjalanan kira-kira 13 minit dan Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim (18 kilometer) dengan 23 minit jarak perjalanan. Antara pejabat kerajaan yang berdekatan adalah MARDI Alor Setar, Jabatan Pertanian Negeri Kedah dan Kompleks Penerangan dan Penyiaran Sultan Abdul Halim (RTM).

Projek Pembinaan Taman Sultan Sallehuddin berkonsepkan usahasama dengan MAIK ini adalah pembangunan hartanah wakaf pertama oleh UDA Waqf di Kedah. Sebelum ini, UDA sudah berpengalaman membangunkan dua tanah wakaf iaitu Wakaf Seetee Aisah dan Legasi Seberang Jaya yang kedua-duanya dibangunkan anak syarikatnya UDA Land North Sdn Bhd (UDA Land North).

Pembangunan komersial di atas tanah wakaf pertama iaitu Tanah Wakaf Seetee Aisah di daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang itu merangkumi Pusat Perniagaan dan Taman Perumahan Wakaf Seetee Aisah. Projek berkenaan siap sepenuhnya pada tahun 2012 dan modul pembangunan tanah wakaf tersebut menjadi garis panduan bagi pembangunan tanah wakaf seluruh Malaysia.

UDA yang telah diasaskan di Malaysia sejak 47 tahun yang lalu terus komited dalam menjayakan agenda pembangunan hartanah di seluruh negara termasuk di negeri Kedah Darul Aman selain turut terlibat dalam bidang Pengurusan Mall, Hospitaliti dan Fasiliti di bawah anak syarikat Kumpulan UDA di seluruh Malaysia.

TAMAT

MENGENAI UDA HOLDINGS BERHAD

UDA Holdings Berhad (UDA) merupakan salah satu organisasi pembangunan hartanah dan pengurusan aset yang mampan dan berdaya saing di negara ini. Aktiviti utama syarikat termasuk pembangunan tanah, pengurusan harta dan pengurusan fasiliti, kompleks beli-belah serta industri hospitaliti. UDA telah bertapak kukuh dalam membentuk dan memodenkan Kuala Lumpur, Lembah Klang dan bandar-bandar utama lain di Malaysia sejak tahun 1971.

Untuk maklumat lanjut mengenai UDA, sila layari laman sesawang kami di www.uda.com.my atau laman Facebook www.facebook.com/UDAHoldings.

Sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

- **Nor Hanisah Kamaruzaman** | n.hanisah@udanet.com | **+6013 597 4264**
- **Latifah Osman (LAT)** | lat@udanet.com | **+6012 291 5427**

Bahagian Komunikasi Korporat Kumpulan

UDA Holdings Berhad

Tingkat 6, Blok Menara, Kompleks Pertama,

Jalan Tuanku Abdul Rahman, 50100 Kuala Lumpur.

Tel : +603 2730 8500 | Fax : +603 2731 2855